

Tempoh darurat beri tiga pengajaran penting

Generasi muda mungkin tidak menyedari nilai keamanan yang sekian lama dikenali walhal Malaysia telah mengalami tidak kurang daripada empat konflik serius

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh RAJA LUVENA SHARIFUDDIN

KUALA LUMPUR 9 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, tempoh darurat yang pernah dilalui negara dari tahun 1948 ke 1960 menawarkan tiga pengajaran penting yang perlu diingati rakyat sejagat.

Perkara pertama dan paling penting, katanya, adalah keperluan menghargai keamanan dan kestabilan yang dinikmati kini.

"Generasi muda, khususnya, yang tidak pernah menyaksikan pertempuran bersejanta mungkin tidak menyedari nilai keamanan yang sekian lama dikenali walhal Malaysia telah mengalami tidak kurang daripada empat konflik serius dalam abad yang lalu.

"Konflik mengenakan tekanan teruk ke atas kehidupan dan sumber negara dengan sesetengah negara tidak pernah kembali normal.

"Namun, sesetengahnya menjadi lebih kuat dan bersatu. Malaysia bertuah kerana jatuh dalam kategori kedua," katanya semasa berucap pada majlis pelancaran buku *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960* di Muzium Kesenian Islam di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi AMR Holdings, Datuk Abdul Mutalib Razak dan Pengerusi Yayasan Pelajaran Islam, Datuk Mohamed Iqbal.

Buku meja kopi setebal 385 halaman

hasil tulisan Lt. Kol (B) Mohd. Azzam Mohd. Hanif Ghows itu melalui 1,050 gambar, sesetengah daripadanya tidak pernah disiarkan.

Abdullah menambah, pengajaran kedua adalah keganasan dan penganas tidak dimiliki sebarang kumpulan etnik, agama atau negara.

"Kebanyakan penganas komunis (semasa tempoh darurat) berketurunan Cina.

"Mereka tidak dilabel sebagai penganas Cina kerana ideologi mereka adalah sekular dan bukannya keagamaan," katanya.

Menurut beliau, perkara ini penting diketengahkan kerana pada masa kini, keganasan dilihat sebagai fenomena agama dan sering kali dikaitkan dengan Islam.

Kegiatan keganasan, kata beliau, sebenarnya telah digunakan oleh pelbagai kumpulan bangsa, agama, daerah, ideologi sekular dan golongan ekstrem.

"Pengajaran ketiga adalah keganasan tidak boleh ditumpas oleh kuasa ketenteraan dan kaedah paksaan semata-mata.

"Ia perlu ditangani segala macam kaedah termasuk risikan dan tindakan penghalang," ujar Abdullah.

Musuh juga, katanya, tidak dapat dikalahkan tanpa menghadapi dan menetralkan faktor-faktor yang mendorong rakyat menggunakan senjata.

"Kita tidak boleh mengalahkan mereka tanpa menangani sebab yang meng-

UM - 10/5/2006
EMERGENCY
REVISITED 1948-1960



ABDULLAH Ahmad Badawi memegang buku *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960* bersama (dari kiri) Mohamed Iqbal, Abdul Mutalib Razak dan Mohd. Azzam Mohd. Hanif Ghows pada majlis pelancaran buku itu di Kuala Lumpur, semalam.

hidupkan pergerakan. Inilah yang dikenali sebagai strategi pertempuran 'hati dan minda'," jelas beliau.

Abdullah berkata, strategi itu perlu diamalkan dalam kempen menentang keganasan yang giat berlaku kini.

"Ia memerlukan keberanian politik. Selagi kita terus menghalang atau mengelirukan isu bagi berpaling daripada isu sebenar, keganasan akan terus berkekalan dan mungkin bertambah," tegas beliau.